



**UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

***PENGGUNAAN BAHASA KIASAN DALAM DRAMA TAMIL BERSIRI  
NADHASWARAM***

**SUBRAMANIAM A/L KRISHNAN**

**FBMK 2015 31**



**PENGGUNAAN BAHASA KIASAN DALAM DRAMA TAMIL BERSIRI  
*NADHASWARAM***

**Oleh**

**SUBRAMANIAM A/L KRISHNAN**

**Tesis Ini Dikemukakan kepada Sekolah Pengajian Siswazah  
Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk  
Ijazah Master Sastera**

**Mei 2015**

Semua bahan yang terkandung dalam tesis ini, termasuk teks tanpa had, logo, ikon, gambar dan semua karya seni lain, adalah bahan hak cipta Univesiti Putra Malaysia kecuali dinyatakan sebaliknya. Penggunaan mana-mana bahan yang terkandung dalam tesis ini dibenarkan untuk tujuan bukan komersil daripada pemegang hak cipta. Penggunaan komersil bahan hanya boleh dibuat dengan kebenaran bertulis terdahulu yang nyata daripada Universiti Putra Malaysia.

Hak cipta © Universiti Putra Malaysia



## **DEDIKASI**

Sekalng penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada kalian di bawah di atas dorongan dan tiupan semangat yang diberikan dalam usaha menjayakan kajian ini. Tanpa kehadiran mereka, usaha menjayakan hasil penilisan ini memang sukar untuk dilaksanakan.

Ibu babaku

Pn. Puspam Palaniandi

Isteriku

Pn. Sujatha Ramasamy


Anakku

Thirunavukkarasan Subramaniam

Adik-beradikku dan sahabatku



COPYRIGHT



UPM

Abstrak tesis yang dikemukakan kepada Senat Universiti Putra Malaysia sebagai memenuhi keperluan untuk Ijazah Master Sastera

**PENGGUNAAN BAHASA KIASAN DALAM DRAMA TAMIL BERSIRI  
NADHASWARAM**

Oleh

**SUBRAMANIAM A/L KRISHNAN**

**Mei 2015**

**Pengerusi : Prof. Madya Paramasivam a/l Muthusamy, Phd**  
**Fakulti : Bahasa Moden dan Komunikasi**

Kajian ini berfokus kepada penggunaan bahasa kiasan dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*. Bahasa kiasan mempunyai fungsi untuk menyampaikan sesuatu mesej secara ringkas dan padat yang membawa maksud yang mendalam. Keunikan dan keistimewaan bahasa merupakan satu unsur penting bagi sesebuah karya sastera. Dalam bahasa kiasan Tamil, unsur ini menambahkan lagi keindahan dan keunggulan sastera Tamil. Kajian ini menggunakan 50 bahasa kiasan. Bahasa kiasan ini dipilih daripada drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*. Lima jenis bahasa kiasan dikenal pasti daripada drama tersebut. Kajian ini mempunyai tiga objektif iaitu mengenal pasti jenis-jenis bahasa kiasan, membincangkan maksud tersurat dan tersirat di sebalik penggunaan bahasa kiasan dan menghuraikan keistimewaan dan keunikan bahasa kiasan Tamil dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*. Kajian ini dijalankan berasaskan penelitian aplikasi teori gaya bahasa kiasan (teori tradisional) oleh Keraf (1994). Kajian ini membuktikan bahawa drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* mengandungi pelbagai jenis bahasa kiasan. Penggunaan bahasa kiasan ini memudahkan pemahaman dan penghayatan pendengar terhadap bahasa kiasan. Selain itu, penggunaan bahasa kiasan dalam drama ini juga telah memperlihatkan keunggulan sastera Tamil.

Abstract of this thesis is presented to the senate of Universiti Putra Malaysia in fulfilment of the requirement of the degree of Master of Arts

**USAGE OF FIGURATIVE LANGUAGE IN A TAMIL SERIAL DRAMA  
ENTITLED *NADHASWARAM***

By

**SUBRAMANIAM A/L KRISHNAN**

**May 2015**

**Chairman : Prof. Madya Paramasivam a/l Muthusamy, Phd**  
**Faculty : Bahasa Moden dan Komunikasi**

This research is focused on the usage of figurative language in a Tamil serial drama entitled *Nadhaswaram*. This figurative language is used to deliver the concise message that carries deep meaning. Uniqueness and distinctive are important elements for literary work. Tamil figurative language adds another element of beauty and excellence of literary Tamil. In this research, fifty figures of speech used as the samples of the study. This figurative language is selected from a Tamil serial drama entitled *Nadhaswaram* using different types of figurative language. Thus, the study identifies and selects five figurative languages to be used as the material of the study. The objectives of the study were to identify the types of figurative language, discuss the purpose of the underlining meaning behind the use of figurative language and describes the benefits and uniqueness of figurative language in the Tamil serial drama entitled *Nadhaswaram*. The study was carried using the figurative language theory by Keraf (1994). This study proves that Tamil serial drama entitled *Nadhaswaram* has used different types of figurative language. The study demonstrates the excellence of Literary Tamil.

## PENGHARGAAN

Bersyukur kepada yang maha Esa kerana limpah kurniaNya kekuatan dan ketabahan kepada saya untuk menyempurnakan kajian ini. Seterusnya, saya juga ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Pensyarah, Profesor Madya Dr. Paramasivam A/L Muthusamy selaku pengerusi Jawatankuasa penyeliaan Tesis yang sentiasa membimbing, menunjuk ajar, memberi motivasi, dan nasihat kepada saya untuk menyiapkan penulisan ini. Saya juga terhutang budi kepada Dr. Fazilah Husin yang telah banyak memberi pengetahuan serta menyemak dan membaiki penulisan ini sehingga saya dapat menyempurnakannya. Saya juga merakamkan ribuan terima kasih kepada pensyarah-pensyarah lain di Fakulti Bahasa Moden dan komunikasi yang telah banyak memberi pengetahuan kepada saya. Saya juga ingin merakamkan ribuan terima kasih kepada ibu bapa, isteri dan anak serta rakan-rakan saya yang sentiasa membantu menjayakan penyelidikan ini.

Saya mengesahkan bahawa satu Jawatan kuasa Peperiksaan Tesis telah berjumpa pada 07.05.2015 untuk menjalankan peperiksaan akhir bagi Subramaniam a/l Krishnan untuk menilai tesis beliau yang bertajuk “Penggunaan Bahasa Kiasan Dalam Drama Tamil Bersiri Nadhaswaram” mengikut Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971 dan Perlembagaan Universiti Putra Malaysia [ P.U.(A) 106] 15 Mac 1998. Jawatan kuasa tersebut telah memperakukan bahawa calon ini layak dianugerahi ijazah Master Sastera.

Ahli Jawatan kuasa Peperiksaan Tesis adalah seperti berikut:

Abdul Rashid bin Daing Melebek, PhD  
Profesor. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pengerusi)

Normaliza bt Abdul Rahim, PhD  
Profesor. Madya  
Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi  
Universiti Putra Malaysia  
(Pemeriksa Dalam)

Sababathy Venugopal,  
Profesor. Madya  
Universiti Malaya  
Malaysia  
(Pemeriksa Luar)

---

**ZULKARNAIN ZAINAL, PhD**  
**Profesor dan Timbalan Dekan**  
**Sekolah Pengajian Siswazah**  
**Universiti Putra Malaysia**

**Tarikh : 12 Ogos 2015**



Tesis ini telah dikemukakan Kepada Senat Universiti Putra Malaysia dan telah diterima sebagai memenuhi syarat keperluan untuk Ijazah Master Saster.

Ahli Jawatan Kuasa penyeliaan adalah seperti berikut:

**Paramasivam a/l Muthusamy, PhD**

Profesor. Madya

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Pengerusi)

**Fazilah Husin, PhD**

Pensyarah kanan

Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi

Universiti Putra Malaysia

(Ahli)

---

**BUJANG KIM HUAT, PhD**

Profesor dan Dekan

Sekolah Pengajian Siswazah

Universiti Putra Malaysia

Tarikh:

## Perakuan pelajar siswazah

Saya memperakui bahawa:

- tesis ini adalah hasil kerja saya yang asli;
- setiap petikan, kutipan dan ilustrasi telah dinyatakan sumbernya dengan jelas;
- tesis ini tidak pernah dimajukan sebelum ini, dan tidak dimajukan serentak dengan ini, untuk ijazah lain sama ada di Universiti Putra Malaysia atau di institusi lain;
- hak milik intelek dan hak cipta tesis ini adalah hak milik mutlak Universiti Putra Malaysia, mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- kebenaran bertulis daripada penyelia dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) hendaklah diperoleh sebelum teisi ini diterbitkan (dalam bentuk bertulis, cetakan atau elektronik) termasuk buku, jurnal, modul, prosiding, tulisan popular, kertas seminar, manuskrip, poster, laporan, nota kuliah, modul pembelajaran atau material lain seperti yang dinyatakan dalam Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012;
- tiada plagiat atau pemalsuan/fabrikasi data dalam tesis ini, dan integriti ilmiah telah dipatuhi mengikut Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) dan Kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Penyelidikan) 2012. Tesis telah diimbaskan dengan perisian pengesanan plagiat.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

Nama dan No.Matrik: Subramaniam a/l Krishnan (GS33631)

Perakuan Ahli Jawatankuasa Penyeliaan:

Dengan ini, diperakukan bahawa:

- penyelidikan dan penulisan tesis ini adalah di bawah seliaan kami;
- tanggungjawab penyeliaan sebagaimana yang dinyatakan dalam kaedah-kaedah Universiti Putra Malaysia (Pengajian Siswazah) 2003 (Semakan 2012-2013) telah dipatuhi.

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Pengerusi Jawatankuasa Penyeliaan

Profesor Madya Paramasivam a/l Muthusamy

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama Ahli Jawatankuasa Penyeliaan

Dr. Fazilah Husin

## SENARAI JADUAL

<b>Jadual</b>	<b>Muka surat</b>
1.1 Senarai episod drama yang dikaji	29
1.2 Jenis-jenis bahasa kiasan dan jumlahnya	32
1.3 Senarai pepatah Tamil digunakan dalam drama Tamil <i>Nadhaswaram</i>	45
1.4 Senarai perumpamaan Tamil yang telah digunakan dalam drama Tamil <i>Nadhaswaram</i>	49
1.5 Senarai simpulan bahasa Tamil yang telah digunakan di dalam drama Tamil <i>Nadhaswaram</i>	53
1.6 Senarai perkataan berganda Tamil yang telah digunakan dalam drama Tamil <i>Nadhaswaram</i>	57
1.7 Senarai <i>Solavadai</i> Tamil yang digunakan dalam drama Tamil <i>Nadhaswaram</i>	62
1.8 Bahasa kiasan yang mempunyai keunikan dan keistimewaan bahasa kiasan dari segi pemikiran Masyarakat Tamil	91
1.9 Bahasa kiasan yang mempunyai keunikan dan keistimewaan bahasa Kiasan dari segi Tradisi	92
1.10 Diksi dalam pepatah	101
1.11 Diksi dalam perumpamaan	102
1.12 Diksi dalam simpulan bahasa	102
1.13 Diksi dalam perkataan berganda	103
1.14 Diksi dalam <i>solavadai</i>	104

## SENARAI RAJAH

Jadual	Muka Suart
1.1 Watak-watak dalam drama Tamil bersiri <i>Nadhaswaram</i>	30
1.2 Kerangka teori kajian penggunaan bahasa kiasan drama bersiri <i>Nadhaswaram</i>	35
1.3 Konsep penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik	37
1.4 Tujuh Keunikan dan Keistimewaan yang dinyatakan Oleh Tholkaappiar	93
1.5 Penggunaan bahasa kiasan yang terperinci menurut Tholkaappiar	94
1.6 Penggunaan bahasa kiasan yang ringkas menurut Tholkaappiar	95
1.7 Penggunaan bahasa kiasan yang transpirasi menurut 96	Tholkaappiar
1.8 Penggunaan bahasa kiasan yang hak milik menurut Tholkaappiar	97
1.9 Penggunaan bahasa kiasan yang kehalusan menurut Tholkaappiar	98
1.10 Penggunaan bahasa kiasan yang kejituan menurut Tholkaappiar	99
1.11 Penggunaan bahasa kiasan yang bukti menurut Tholkaappiar	100

## TRANSLITERASI TAMIL

Penggunaan transliterasi istilah-istilah Tamil melalui transliterasi bahasa Melayu adalah berdasarkan kepada system transliterasi yang digunakan dalam Tamil *Keyman Ink*. Berikut adalah dasar kepada transliterasi huruf-huruf bahasa Tamil. Walaubagaimanapun pengkaji hanya menggunakan kaedah ini untuk judul buku dan bagi bahasa kiasan Tamil sahaja. Istilah-istilah lain dalam penggunaan yang biasa, ejaan-ejaannya yang umum digunakan.

Sebutan Bunyi Bahasa Tamil

VokalPendek		VokalPanjang		Diflong	
அ	a	ஆ	a:	ஐ	ai
இ	i	ஈ	i:	ஔ	au
உ	u	ஊ	u:		
எ	e	ஏ	e:		
ஓ	o	ஔ	o:		

### Konsonan

க	g, h&k	ய	y	ங	ng
ச	c, j&s	ர	r	ஞ	ny
ட	T&d	ல்	l	ண்	N
த	th	வ்	v	ந்	n
ப	b&p	ழ்	zh	ம்	m
ற்	R	ள்	L	ன்	n

(Sumber: 2011 TavultesoftPtv Ltd)

## JADUAL KANDUNGAN

	Halaman
ABSTRAK	i
ABSTRACT	ii
PENGHARGAAN	iii
PENGESAHAN	iv
PERAKUAN	X
SENARAI JADUAL	XVI
SENARAI RAJAH	XVII
TRANSLITERASI TAMIL	XVIII

### BAB

ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.

#### 1 PENDAHULUAN

Error! Bookmark not defined.

##### 1.0 Pengenalan

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.1 Latar Belakang Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.2 Penyataan Masalah

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.3 Persoalan Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.4 Objektif Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.5 Kepentingan Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.6 Batasan Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.7 Definisi Operasional

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.7.1 Bahasa Kiasan (மொழியணிகள்)

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.7.2 Drama Bersiri (தொடர் நாடகம்)

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.7.3 Nadhaswaram (நாதஸ்வரம்)

**Error! Bookmark not defined.**

##### 1.7.4 Pepatah (பழமொழி)

**Error! Bookmark not defined.**

1.7.5 Perumpamaan (உவமைத்தொடர்)

**Error! Bookmark not defined.**

1.7.6 Simpulan Bahasa (மரபுத்தொடர்)

**Error! Bookmark not defined.**

1.7.7 Perkataan berganda (இணைமொழி)

**Error! Bookmark not defined.**

1.7.8 Solavadai (சொலவடை)

**Error! Bookmark not defined.**

1.8 Kesimpulan

**Error! Bookmark not defined.**

## **BAB**

**ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.**

## **2 SOROTAN LITERATUR**

**Error! Bookmark not defined.**

2.0 Pengenalan

**Error! Bookmark not defined.**

2.1 Kajian Bahasa Kiasan

**Error! Bookmark not defined.**

2.1.1 Pepatah

**Error! Bookmark not defined.**

2.1.2 Simpulan Bahasa

**Error! Bookmark not defined.**

2.1.3 Perkataan Berganda

**Error! Bookmark not defined.**

2.1.4 Perumpamaan

**Error! Bookmark not defined.**

2.1.5 Solavadai

**Error! Bookmark not defined.**

2.2 Bahasa Kiasan Dari Sudut Pandangan Pendita Tamil 20

2.3 Kajian Drama Televisyen **Error! Bookmark not defined.**

2.4 Kajian Drama Tamil **Error! Bookmark not defined.**

2.5 Kesimpulan **Error! Bookmark not defined.**

## **BAB 3**

**ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.**

## **METODOLOGI**

**Error! Bookmark not defined.**

3.0 Pengenalan

**Error! Bookmark not defined.**

3.1 Reka Bentuk Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

3.2 Kaedah Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

3.3 Bahan

**Error! Bookmark not defined.**

3.3.1

Sinopsis Drama Tamil Bersiri *Nadhaswaram*

**Error! Bookmark not defined.**

3.4 Prosedur

**Error! Bookmark not defined.**

3.4.1 Kaedah Pengumpulan Data

**Error! Bookmark not defined.**



3.4.2	Menonton dan Membaca Data	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.4.3	Pemilihan Data	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.4.4	Pembahagian Data	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.4.5	Proses Penganalisan Data	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.4.6	Menentukan Jenis-jenis bahasa kiasan dalam drama tersebut	<b>Error!</b>
	<b>Bookmark not defined.</b>	
3.4.7	Maksud tersurat dan tersirat yang dibawa oleh bahasa kiasan dalam drama	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.4.8	Keunikan dan keistimewaan bahasa kiasan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	<b>defined.</b>	
3.5	Teori Gaya Bahasa Kiasan (Teori Tradisional)	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	<b>defined.</b>	
3.6	Kerangka Teori	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.7	Analisis data	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.8	Kerangka Konseptual	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
3.9	Kesimpulan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>

## BAB

ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.

4	<b>HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN</b>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.1	Pengenalan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.2	Jenis-jenis bahasa kiasan dalam drama Tamil bersiri Nadhaswaram	<b>Error!</b>
	<b>Bookmark not defined.</b>	
4.2.1	Pepatah (பழமொழி)	40
4.2.2	Perumpamaan (உவமைத்தொடர்)	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	<b>defined.</b>	
4.2.3	Simpulan Bahasa (மரபுத்தொடர்)	50
4.2.4	Perkataan Berganda (இணைமொழி)	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	<b>defined.</b>	
4.2.5	<i>Solavadai</i> (சொல்வடை)	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3	Maksud tersurat dan tersirat di sebalik penggunaan bahasa kiasan dalam drama <i>Nadhaswaram</i>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.1	Bahasa kiasan yang membawa unsur perpaduan	<b>Error!</b>
	<b>Bookmark not defined.</b>	
4.3.1.1	Mengikut pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.1.2	Mengikut <i>solavadai</i>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.2	Bahasa kiasan yang membawa unsur beradab	<b>Error!</b>
	<b>Bookmark not defined.</b>	
4.3.2.1	Mengikut Pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.2.2	Mengikut <i>solavadai</i>	70
4.3.3	Bahasa kiasan yang membawa unsur Berusaha Sendiri.	70

4.3.4 Bahasa kiasan yang membawa unsur menjauhi diri daripada orang jahat	70
4.3.4.1 Mengikut Pepatah	
<b>Error! Bookmark not defined.</b>	
4.3.4.2 Mengikut Perumpamaan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.4.3 Mengikut <i>solavadai</i>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.5 Bahasa kiasan yang membawa unsur jangan terburu-buru	
<b>Error! Bookmark not defined.</b>	
4.3.6 Bahasa kiasan yang membawa unsur Mementingkan diri sendiri	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.6.1 Bahasa kiasan dari segi Pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.7 Bahasa Kiasan yang membawa kepada unsur kesedihan	<b>Error!</b>
<b>Bookmark not defined.</b>	
4.3.7.1 Mengikut Pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.7.2 Mengikut Perumpamaan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.7.3 Menikut <i>solavadai</i>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.7.4 Mengikut Simpulan bahasa	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.8 Bahasa kiasan yang membawa unsur kasih sayang	<b>Error!</b>
<b>Bookmark not defined.</b>	
4.3.8.1 Mengikut Pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.8.2 Mengikut perkataan berganda	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.8.3 Mengikut <i>solavadai</i>	80
4.3.9 Bahasa kiasan yang membawa unsur kerja sia-sia	80
4.3.9.1 Mengikut Pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.9.2 Mengikut Perumpamaan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.9.3 Mengikut <i>Solavadai</i>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.10 Bahasa Kiasan yang Membawa Unsur Kegembiraan	<b>Error!</b>
<b>Bookmark not defined.</b>	
4.3.10.1 Mengikut Perumpamaan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.10.2 Mengikut Simpulan Bahasa	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.10.3 Mengikut Perkataan Berganda	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>defined.</b>	
4.3.11 Bahasa kiasan yang membawa unsur Degil	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
<b>not defined.</b>	
4.3.11.1 Mengikut Solavadai	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.3.12 Mengikut Perumpamaan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>

	4.3.13.1 Mengikuti Simpulan Bahasa	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.3.13.2 Mengikuti Berkataan Berganda	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
4.4	Keistimewaan dan Keunikan Bahasa Kiasan Tamil dalam Drama Bersiri <i>Nadhaswaram</i>	90
	4.4.1 Keunikan dan Keistimewaan bahasa kiasan dari segi pemikiran Masyarakat Tamil	90
	4.4.2 Keunikan dan keistimewaan Bahasan Kiasan dari segi Tradisi	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3 Keunikan dan keistimewaan bahasa kiasan daripada Pandangan Tholkaappiar	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.1 Terperinci (நுண்மை) nunmai	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.2 Ringkas (சுருக்கம்) surukkam	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.3 Transpirasi (ஒளி) oli	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.4 Hak milik (உடைமை) udamai	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.5 Kehalusan (மென்மை) Menmai	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.6 Kejituan (குறித்த பொருளை முடித்தல்) kuRitha poruLai mudithal	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.3.7 Bukti (ஏது நுதலுதல்) ye:thu nuthaluthal	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.4 Keunikan dan keistimewaan dari unsur Diksi	100
	4.4.4.1 Unsur Diksi	100
	4.4.4.2 Unsur Diksi dalam Pepatah	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.4.3 Unsur Diksi dalam Perumpamaan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.4.4 Unsur Diksi dalam Simpulan Bahasa	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.4.5 Unsur Diksi dalam Perkataan Berganda	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.4.6 Unsur Diksi dalam <i>Solavada</i>	<b>Error! Bookmark not defined.</b>
	4.4.5 Kesimpulan	<b>Error! Bookmark not defined.</b>

## BAB

ERROR! BOOKMARK NOT DEFINED.

## 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN

Error! Bookmark not defined.

5.1 Pengenalan

**Error! Bookmark not defined.**

5.2 Rumusan Kajian

**Error! Bookmark not defined.**

- 5.2.1 Jenis-jenis Bahasa Kiasan **Error! Bookmark not defined.**
- 5.2.2 Maksud Tersurat dan Tersirat di Sebalik Penggunaan Bahasa Kiasan **Error! Bookmark not defined.**
- 5.2.3 Keistimewaan dan Keunikan Bahasa Kiasan **Error! Bookmark not defined.**
- 5.3 Implikasi Penyelidikan **Error! Bookmark not defined.**
- 5.4 Cadangan Kajian Masa Depan **Error! Bookmark not defined.**
- 5.5 Penutup **Error! Bookmark not defined.**



## ABAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.0 Pengenalan

Drama bersiri memainkan peranan yang penting bagi menyampaikan sesuatu maklumat atau mesej kepada para penonton kerana ia mengandungi unsur perasaan yang dapat menyentuh hati para penonton. Lantas, ia dapat menyampaikan mesej kepada para penonton dengan mudah. Selain itu, mesej yang ingin disampaikan itu adalah melalui lakonan para pelakon atau watak masing-masing dan bukannya melalui penulis skrip cerita semata-mata (Manisekaran, 1987: 1). Tambahan pula, drama berdasarkan pelbagai perkara atau peristiwa seperti drama keluarga, berunsur jenaka, mitos, sejarah, masyarakat mengandungi unsur kesedaran atau keinsafan. Manisekaran (1987), juga mengatakan bahawa untuk pengarahannya sebuah drama memerlukan usaha yang gigih dan daya imajinasi yang kuat bagi menerbitkan drama yang bermutu.

Pada hari ini, rancangan drama yang disiarkan di televisyen mendapat sambutan atau perhatian yang hangat dalam kalangan rakyat Malaysia tanpa mengira bangsa dan bahasa sama ada drama dalam bahasa Melayu, Cina, Tamil, Korea, Jepun ataupun Indonesia. Oleh itu, siaran drama telah menjadi satu program rancangan yang dapat menyampaikan atau menyalurkan mesej kepada para penonton. Selain itu, drama juga dapat menggambarkan cita rasa budaya sesuatu bangsa dan negara. Dramayang dipaparkan bukan setakat menghiburkan para penonton malah menjadi satu media komunikasi yang membawa kepada pembangunan insan, semangat patriotik, memotivasikan diri serta mewujudkan masyarakat yang intelek dan berjiwa seni.

Pada peringkat awal penerbitan drama tempatan, ia tidak mendapat sambutan yang baik dan tidak begitu berjaya dalam menarik perhatian para penonton jika dibandingkan dengan muzik dan hiburan. Hal ini kerana pada mulanya Malaysia tidak mempunyai satu tradisi drama moden dan penulis drama hanya menumpukan perhatian kepada filem. Menteri penerangan dan penyiaran, Ghazali Shafie pada ketika itu iaitu pada tahun 1971, telah berusaha untuk meningkatkan mutu drama tempatan dan meminta penulis tempatan untuk membawa tema-tema baharu dalam drama televisyen tempatan, namun usaha beliau tidak membawa kejayaan yang besar (Kartigesu, 1994:247).

Kini, pada zaman serba moden ini, media elektronik semakin berkembang maju dan memainkan peranan yang penting dalam penyebaran mesej atau maklumat-maklumat yang penting kepada rakyat. Tidak hairanlah, radio, televisyen, video, komputer menjadi alat berkomunikasi dan alat mendapat maklumat dalam kalangan rakyat. Khususnya, televisyen sebagai media elektronik menjadi alat yang paling penting dalam menyebarkan mesej kepada umum (Kartigesu, 1994). Kenyataan ini membuktikan bahawa antara pelbagai alat media elektronik televisyen telah menjadi salah satu media yang amat penting.

Perkataan 'drama' wujud daripada bahasa Yunani Tua yang membawa maksud 'gerak' atau sesuatu yang dilakukan. Gerak membawa maksud kepada aksi yang melahirkan unsur-unsur seperti kesenian yang dapat menggambarkan keindahan dan kegembiraan. Manakala dalam bahasa Inggeris *action* membawa maksud 'gerak'. Secara khususnya, 'gerak' membawa maksud iaitu satu gerakan seni halus yang mengandungi unsur-unsur keseronokan dan keindahan. Oleh kerana di Yunani gerakan berkaitan dengan nyanyian dan tarian maka gerakan dikatakan berkait rapat dengan unsur-unsur lakonan, nyanyian dan tarian yang membawa cerita simbolik (Mana Sikana, 1986: 2).

Melalui drama, bahasa memainkan peranan yang penting dalam penyampaian sesuatu mesej atau maklumat. Tanpa bahasa, tidak mungkin sesebuah tema, latar, plot, pemikiran dan sebagainya wujud dalam sesebuah drama dan tanpa elemen-elemen seperti ini, drama juga tidak menjadi sempurna. Bahasa juga dikatakan telah menjadi satu kaedah alat yang digunakan oleh manusia untuk berkomunikasi dan menyampaikan maklumat sama ada secara lisan ataupun dalam bentuk tulisan (Murugan, 2013). Melalui bahasa, maksud yang cuba disampaikan oleh pengarang itu bersifat literal dan ada kalanya bersifat *non-literal*. Bahasa *non-literal* ini banyak digunakan dan dikiaskan dengan sesuatu objek atau lain untuk dibuat perbandingan dalam menyampaikan makna. Penggunaan bahasa kiasan dalam sesebuah drama atau filem memudahkan pemahaman dan memberi peluang kepada para penonton untuk berfikir. Perkara ini tidak terlepas juga dalam drama-drama Tamil yang disiarkan melalui kaca televisyen.

Pada masa kini, drama Tamil bersiri mendapat sambutan yang cukup baik daripada penonton di Malaysia terutama dalam kalangan masyarakat India dan juga daripada penduduk Tamil Nadu di India (Pathma Selvarajoo, 2013). Oleh itu, pelbagai drama bersiri dalam bahasa Tamil diterbitkan dan disiarkan di kaca televisyen oleh penerbit televisyen swasta kerana drama-drama bersiri Tamil seolah-olah tidak dapat dipisahkan daripada masyarakat India khususnya dunia bahasa Tamil. Bahasa memainkan peranan yang penting untuk menarik perhatian dan peminat para penonton terutama sekali dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*. Drama ini mengandungi bahasa kiasan yang kerap kali digunakan dalam perbualan mengikut situasi. Hal ini dapat disaksikan melalui pelakon-pelakon wanita yang kerap menggunakan pelbagai bahasa kiasan berbanding dengan pelakon-pelakon lelaki.

Tidak dinafikan bahawa bahasa memainkan peranan yang penting sebagai alat utama dalam menyebarkan mesej, maklumat dan juga maklumat berbentuk sastra kepada masyarakat. Bagi menyampaikan idea atau pendapat serta pemikiran, seseorang penulis atau pengarang menggunakan bahasa sebagai alat komunikasi. Menurut Mohanraj (1986), bahasa kiasan khususnya simili dan metafora, mempunyai hubungan yang rapat dengan kehidupan masyarakat India. Penggunaan bahasa kiasan drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* menggambarkan kepintaran pengarahnya iaitu Thirumurugan dalam menerbitkan drama Tamil bersiri ini. Ahmad Mat Hassan (2010), mengatakan bahawa peranan bahasa dan pemikiran tidak dapat dipisahkan. Bahasa memainkan peranan sebagai menyampaikan pemikiran sesuatu bangsa tentang kehidupan, kebudayaan, sejarah, kesenian dan apa-apa sahaja yang wujud dalam lingkungan ciptaan sosio



budaya sesuatu bangsa. Dengan kata lain, peranan bahasa sebagai alat komunikasi tidak dapat dipisahkan daripada penuturnya.

Bahasa kiasan merupakan satu pengucapan masyarakat yang penting dalam sejarah kehidupan dan perkembangan manusia. Boleh dikatakan bahawa setiap masyarakat di dunia mempunyai bentuk pengucapan bahasa kiasan yang digunakan dalam kehidupan seharian mereka. Jika kita perhatikan, bahasa kiasan terbit daripada renungan masyarakat yang kemudiannya dihubungkan dengan tingkahlaku, tabiat dan prinsip hidup serta pegangan hidup masyarakat. Fenomena sebegini timbul daripada masyarakat yang melahirkan bahasa kiasan dengan menggunakan unsur dan alam di sekeliling mereka untuk disosialisasikan dengan corak kehidupan mereka. Bahasa kiasan dicipta atau dihasilkan supaya menjadi pegangan hidup atau pengajaran turun-temurun dalam kalangan masyarakat dan kehidupan.

### 1.1 Latar Belakang Kajian

Bahasa kiasan biasanya digunakan dalam pertuturan oleh semua lapisan masyarakat sejak dahulu lagi untuk menampakkan keindahan serta mengukuhkan sesuatu kenyataan atau fakta. Bahasa kiasan juga digunakan untuk membuat perbandingan antara satu perkara dengan perkara lain. Apabila membuat perbandingan, maka lahirlah kiasan yang dijadikan perbandingan. Perbandingan itu dilakukan dengan menyebut benda yang dijadikan bandingan atau tidak menyebut benda tersebut sebagai bandingan. Mengikut Kamus Linguistik (1997), bahasa ialah istilah umum yang menunjukkan usaha untuk menjelaskan kegiatan manusia dan juga dikenali wahana utama dalam pengungkapan segala aktiviti hidup. Bahasa juga digambarkan sebagai fitrah manusia yang berupa satu sistem lambang bunyi secara arbitrari yang dipersetujui bersama oleh satu kelompok sosial dan digunakan sebagai alat berinteraksi.

Fungsi asas bahasa adalah untuk berkomunikasi. Selain fungsi ini, bahasa dapat mengungkapkan fikiran, pendapat, emosi, perasaan, keperibadian dan tingkah laku manusia. Semakin banyak perkataan yang dikuasai oleh seseorang, semakin banyak idea dapat diungkapkan olehnya. Bahasa yang digunakan dalam karya sastera boleh dibahagikan kepada dua. Pertama, bahasa bersifat literal dan yang kedua, ianya bersifat *non-literal*. Bahasa *non-literal* ini banyak digunakan dan dikiasan dengan sesuatu objek atau situasi lain untuk membuat perbandingan dalam menyampaikan maksud. Drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* tidak terlepas daripada pendekatan ini. Penggunaan bahasa kiasan yang luas dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* memudahkan para penonton mengimbas kembali penggunaan bahasa kiasan dalam kehidupan harian dan selain itu, memudahkan pemahaman maksud sebenar sesuatu bahasa kiasan dan hal ini dapat menarik perhatian para peminat drama.

Melalui drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*, pengarahnya Thirumurugan cuba menggambarkan kelakuan atau tingkah laku masyarakat yang tinggal di kawasan luar bandar yang masih berpegang kuat dalam adat resam dan budaya serta bahasa. Dramaini juga digambarkan sebagai kepercayaan masyarakat India, kerjaya, kesenian,

dialek dan lain-lain. Simili dan metafora yang digunakan dalam drama ini memudahkan lagi penyampaian pendapat yang ingin disampaikan oleh Thirumurugan dengan menghubungkan amalan dan pengalaman masyarakat Tamil. Oleh yang demikian, perkara yang cuba disampaikan oleh Thirumugan melalui drama ini tidak menjadi masalah kepada masyarakat Tamil di Malaysia.

Selain itu, bahasa kiasan yang digunakan dalam drama bersiri ini juga mengandungi nilai-nilai murni yang dapat diserapkan dalam kehidupan harian kita. Justeru, kemahiran pendengaran merupakan salah satu elemen yang penting untuk mendapatkan pendapat atau pengajaran daripada seseorang. Pada zaman dahulu, bidang pendidikan berada pada tahap kurang maju dan sudah tentu, nilai-nilai murni yang terdapat dalam bahasa kiasan disampaikan melalui pertuturan orang-orang tua. Melalui pertuturan secara lisan, didikan moral dapat diturunkan kepada generasi ke generasi yang lain. Dalam keadaan ini, bahasa kiasan dapat membina akhlak yang mulia dan sahsiah yang baik dalam sesebuah masyarakat.

## 1.2 Penyataan Masalah

Secara jujurnya, perbualan dan tulisan yang biasa digunakan pada setiap hari tidak akan dapat menarik minat para pendengar atau pembaca. Apabila menggunakan bahasa kiasan, rujukan atau contoh-contoh yang sesuai dan baharu sesuatu fakta akan menjadi lebih kukuh, tepat dan akan menarik perhatian pendengar dan pembaca. Oleh yang demikian, banyak kajian yang melibatkan bahasa kiasan telah dijalankan bagi mengeksplotasi dan memperlihatkan kandungannya. Kajian yang memberi tumpuan terhadap bahasa kiasan Tamil dalam karya *Thirukkural* pernah dilakukan oleh Selvajothi (2009) yang menghuraikan penggunaan jenis-jenis bahasa kiasan seperti simili, metafora, personifikasi, hiperbola dan paradok dengan mengkaji kemahiran berfikir dan keberkesanan bahasa kiasan. Menurut kajian Selvajothi (2009), kajian seumpama ini hendaklah dijalankan secara lebih meluas dan tidak tertumpu kepada lima jenis kiasan diatas sahaja. Maka, adalah wajar supaya kajian semasa ini dijalankan ke atas genre sastera lain selain daripada *Thirukkural*. Pengkaji memilih drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* bagi memperlihatkan penggunaan lima jenis bahasa kiasan yang baharu dalam kajian ini.

Seterusnya, Umah Devi (2012), mengatakan bahawa penggunaan bahasa kiasan dalam perbualan harian mampu melahirkan sesebuah keluarga yang bahagia dan sejahtera. Ini disebabkan, bahasa kiasan yang sarat dengan maksud tersurat dan tersirat akan memberi kesedaran kepada ahli keluarga bagi mewujudkan keharmonian dalam institusi keluarga. Kajian Umah Devi (2012) hanya membincangkan maksud tersurat dan tersirat dalam pepatah Tamil sahaja. Beliau mengesyorkan bahawa kajian bahasa kiasan Tamil yang lain dijalankan terhadap kehidupan masyarakat Tamil pada masa akan datang. Ini memberi kelompangan kepada pengkaji untuk membincangkan maksud tersurat dan tersirat terhadap empat bahasa kiasan selain daripada pepatah iaitu, perumpamaan, simpulan bahasa, perkataan berganda dan *solavadai* di mana ia akan memberi impak kepada penutur dan pendengar apabila mereka menggunakannya dalam perbualan harian.



Selain itu, didapati penggunaan simpulan bahasa dan peribahasa semakin terpinggir sebagai panduan hidup dalam masyarakat. Seharusnya, masyarakat tidak mengetepikan penggunaan peribahasa begitu sahaja, kerana setiap manusia mempunyai hati dan perasaan yang berbeza. Kadangkala, peribahasa penting untuk memberikan kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat (Salinah Jaafar, 2005). Menurut Salinah Jaafar (2005), keunggulan pemikiran dan daya kreatif sesebuah masyarakat dalam menyusun simpulan bahasa dan peribahasa yang indah digunakan sebagai satu wahana dalam memberikan nasihat, pengajaran, sindiran dan pujian secara halus ini sebenarnya menyerlah nilai-nilai budaya tinggi yang dimiliki oleh masyarakat itu sendiri. Kenyataan ini membuka peluang kepada pengkaji untuk menghuraikan keistimewaan dan keunikan dalam lima aspek bahasa kiasan Tamil yang turut diperlihatkan dalam kalangan masyarakat Tamil.

Maka, boleh disimpulkan bahawa, terdapat lompong kosong dalam kajian yang sedia ada setakat ini. Oleh itu, kajian memperlihatkan bahasa kiasan Tamil dalam drama Tamil. Kajian ini membuka lembaran baharu dalam penyelidikan kesusasteraan Tamil Malaysia dengan memfokuskan kepada penggunaan bahasa kiasan Tamil dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*.

### 1.3 Persoalan Kajian

Persoalan kajian adalah seperti berikut:

- 1.3.1 Apakah jenis-jenis bahasa Kiasan terdapat dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*?
- 1.3.2 Apakah maksud tersurat dan tersirat yang dibawa oleh bahasa kiasan yang terdapat dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*?
- 1.3.3 Apakah keistimewaan dan keunikan bahasa Kiasan Tamil dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*?

### 1.4 Objektif Kajian

Objektif kajian ini adalah untuk:

- 1.4.1 mengenal pasti jenis-jenis bahasa kiasan dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*.
- 1.4.2 membincangkan maksud tersurat dan tersirat di sebalik penggunaan bahasa kiasan dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*.
- 1.4.3 menghuraikan keistimewaan dan keunikan bahasa kiasan Tamil dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*.

## 1.5 Kepentingan Kajian

Bahasa kiasan Tamil menjadi pedoman dan juga menjadi pegangan masyarakat Tamil. Kepentingan kajian bahasa kiasan Tamil yang dijalankan ini dapat menonjolkan aspek pemikiran Tamil yang tinggi yang diungkapkan dalam bahasa yang indah, kreatif dan beradab. Malah, kajian bahasa kiasan ini dapat menjadikan bahasa kiasan Tamil sebagai medium untuk mendidik generasi muda masa kini dan pada masa akan datang.

Kajian yang dilakukan ini juga akan menambahkan lagi koleksi kajian berkaitan dengan khazanah pemikiran masyarakat Tamil di Malaysia. Selain itu, kajian ini dapat menambah input bahan kajian-kajian ilmiah yang bertemakan sosio budaya untuk dijadikan bahan rujukan, panduan serta pegangan hidup khususnya bagi masyarakat Tamil di Malaysia.

Selain itu, pada masa kini drama Tamil bersiri telah sebatu dengan kehidupan dan di gemari oleh masyarakat Tamil di Malaysia. Kehidupan masyarakat Tamil dapat digambarkan melalui drama-drama ini. Kiasan dalam drama ini memainkan peranan penting ketika menekankan sesuatu fakta dalam sesuatu perbualan atau situasi. Apabila bahasa kiasan digunakan dalam drama ini pertuturan, buah fikiran dapat disampaikan secara berkesan, indah, menarik dan bersahaja. Secara langsung, kepentingan kajian ini dapat mengenal pasti dan meninjau kedudukan dan peranan bahasa kiasan Tamil dalam kalangan masyarakat Tamil di Malaysia.

## 1.6 Batasan Kajian

Pengkaji telah memilih 300 episod secara rawak daripada 900 siri drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* yang diterbitkan oleh Thirumurugan. Drama ini telah disiarkan dari 01 Ogos 2012 hingga 30 Oktober 2013. Bahasa kiasan yang dipilih bagi tujuan kajian ini merangkumi lima jenis bahasa kiasan iaitu pepatah, perumpamaan, simpulan bahasa, perkataan berganda dan *Solavadai*. Seterusnya, ia dijadikan sebagai data kajian ini.

Batasan yang kedua, pengkaji membincangkan maksud tersurat dan tersirat di sebalik penggunaan bahasa kiasan dalam drama Tamil bersiri ini. Hal ini untuk memberi kesedaran kepada pengguna dan pembaca tentang maksud bahasa kiasan serta menghayati keunikan dan keistimewaan bahasa kiasan Tamil dan menggalakkan supaya penggunaannya berterusan serta tidak dilupai oleh generasi pada masa akan datang.

Batasan yang ketiga, kajian ini menghuraikan keistimewaan dan keunikan bahasa kiasan Tamil dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram*. Penggunaan bahasa kiasan Tamil dalam perbualan seharian mereka dapat membantu pengguna dan pendengar menjadikannya sebagai pedoman hidup kerana bahasa kiasan mempunyai unsur didikan dan motivasi secara tersurat dan tersirat.

Batasan yang keempat ialah tentang cara kajian dilakukan secara analisis teks, diuraikan secara kualitatif dan deskriptif dengan menggunakan teori gaya bahasa kiasan (Teori Tradisional) yang diperkenalkan oleh Keraf (1994). Bahasa kiasan Tamil yang digunakan dalam drama Tamil bersiri *Nadhaswaram* dikumpul dan dianalisis selepas ditonton. Analisis kajian ini dibataskan kepada penggunaan bahasa kiasan yang digunakan dalam drama bersiri Tamil *Nadhaswaram*. Aspek Kiasan dalam drama ini menjadi asas kepada kajian ini. Bahasa kiasan yang terdapat dalam drama tersebut terdiri daripada pelbagai jenis. Beberapa jenis bahasa kiasan yang dikaji dalam drama bersiri Tamil *Nadhaswaram* adalah பழமொழி (Pepatah), உவமைத்தொடர் (Perumpamaan), மரபுத்தொடர் (Simpulan Bahasa), இணைமொழி (Perkataan berganda) dan சொல்வடை (*Solavadai*) seperti pepatah tetapi bukan pepatah

## 1.7 Definisi Operasional

### 1.7.1 Bahasa Kiasan (மொழியணிகள்)

Mengikut *Kamus Dewan* (2013:106) ‘bahasa’ membawa maksud sistem lambang-lambang bunyi suara yang dipakai sebagai alat dalam lingkungan satu kelompok manusia iaitu di antara individu dengan individu yang lain dan sebagainya. Definisi bahasa (*Oxford Advanced Learner’s Dictionary, 1995:662*), digambarkan sebagai “*the system of sounds and words used by humans to express their thoughts and feelings*”. Dengan kata lain, bahasa ialah sistem bunyi dan perkataan-perkataan yang digunakan oleh manusia untuk menyatakan fikiran dan perasaan.

Kamus Dewan (2013:786), memberikan makna perkataan ‘Kiasan’ sebagai pertimbangan mengenai sesuatu perkara dengan perbandingan atau persamaan perkara yang lain seperti sindiran, ibarat, perumpamaan pengajaran atau contoh dan lambang, iaitu ertiyang tersembunyi. Menurut Za’ba (1965:190), kiasan ialah bahasa yang memperkatakan sesuatu perkara dengan mengkiaskannya kepada perkara lain sama ada dengan menyebut perbandingan di antaranya atau dengan tidakmenyebut perbandingan lagi. Tujuannya ialah untuk menjelaskan sesuatu yang dikatakan atau diceritakan dan menguatkan maknanya. Beliau telah membahagikan bahasa kiasan kepada lapan jenis iaitu, kiasan asal, kiasan berpindah, kiasan permanusiaan, kiasan berkacau, Tamsil, Ibarat, kias ibarat dan Tamsil ibarat

Hashim Awang (1987) turut mengatakan bahawa bahasa kiasan ialah bahasa yang berkembang daripada analogi, iaitu perbandingan antara dua benda atau hal yang sesungguhnya berlainan tetapi dapat diperlihat adanya sebahagian ciri atau sifat persamaan. Kesimpulannya, bahasan kiasan ialah bahasa yang digunakan untuk menyebut sesuatu perkara dengan membandingkan atau mengkiaskan kepada perkara atau benda lain. Beliau juga mengatakan bahawa bahasa kiasan ialah bahasa yang menyatakan sesuatu perkara dengan mengkiaskannya kepada perkara lain, sama ada dengan menyebut bandingan atau tanpa menyebut bandingan. Kiasan ialah kata atau

frasa atau ayat yang digunakan untuk membanding sesuatu dan merupakan ciptaan penutur atau pengkarya berhubung dengan sesuatu keadaan, situasi atau persekitaran.

Keistimewaan kiasan ialah bahasa yang diselitkan melalui percakapan dengan mengiaskannya kepada perkara-perkara lain, sama ada dengan menyebut bandingan antaranya atau dengan tidak menyebutkan bandingan supaya memberi penjelasan sesuatu yang dikatakan atau diceritakan dan menguatkan makna (Za'ba, 1965).

### 1.7.2 Drama Bersiri (தொடர் நாடகம்)

Drama dihubungkan sebagai karya sastera, lakonan watak-watak, persembahan yang mengutamakan unsur aksi, dialog dan tarikan emosi yang mengutamakan seni pengucapan, seni persembahan serta seni tontonan untuk melukiskan sifat dan sikap manusia secara dramatik bagi tujuan menghibur.

Drama bersiri merupakan karya cereka berepisod yang disiarkan di televisyen atau radio. Kisah drama bersiri biasanya berlaku serentak, berkait dan mendorong kepada perkembangan untuk episod selanjutnya. Biasanya, setiap episodakan melompat antara beberapa jalan cerita serentak yang kadangkala mungkin berkait dan menjejaskan yang lain atau mungkin berjalan bebas dari setiap satunya. Setiap episod mungkin menonjolkan sebahagian jalan cerita semasa tetapi dan tidak semestinya keseluruhan jalan ceritanya. Terdapat kitaran kedua-dua cerita dan pelakon agar setiap jalan cerita dan pelakon akan muncul sebahagian dari episod minggu keseluruhannya (Dinamani, 2013).

### 1.7.3 Nadhaswaram (நாதஸ்வரம்)

Alat muzik klasik *Nadaswaram* terkenal di Selatan India terutama dalam kalangan masyarakat Tamil. Alat muzik ini tergolong dalam keluarga erofon atau tiupan bukan loyang yang mempunyai bunyi terkuat di dunia. Biasanya, alat muzik ini digunakan di kuil, muzik rakyat dan muzik Karnatik dan seringkali dimainkan bagi mengiringi *Thavil* dan ia merupakan unsur penting untuk perayaan dan upacara tradisional di Selatan India. Alat muzik ini diperbuat daripada kayu atau logam, mempunyai tujuh lubang pada badannya, dan lima lubang yang terdapat pada bahagian bawahnya yang dianggap sebagai lubang pengawal bunyi (Kuru Arivinth, 2012).

### 1.7.4 Pepatah (பழமொழி)

Pepatah ialah susunan bahasa yang menjadi sebutan yang berkaitan dengan sesuatu peristiwa kehidupan masyarakat seharian. Pepatah berasal daripada adat resam yang berfungsi sebagai pedoman dalam kehidupan bermasyarakat dan bentuknya berkerat-

kerat atau berpatah-patah. Selain itu, ia juga merupakan sejenis peribahasa yang berangkap. Biasanya terdapat pengulangan kata di dalamnya untuk penegasan atau unsur-unsur pengajaran yang hendak disampaikan. Pepatah seakan-akan bidalan tetapi mempunyai rangkaian perkataan berkerat-kerat atau berpatah-patah (Velusamy, 1978).

#### **1.7.5 Perumpamaan(உவமைத்தொடர்)**

Perumpamaan adalah salah satu jenis peribahasa yang membandingkan sesuatu dengan yang lain. Biasanya, maksud perumpamaan berlainan daripada kelompok kata yang membentuknya. Pada umumnya, perumpamaan menggunakan kata-kata bandingan bagai, ibarat, laksana, seperti dan umpama (Thevaneyappaavanar, 2000).

#### **1.7.6 Simpulan Bahasa(மரபுத்தொடர்)**

Simpulan bahasa merupakan peribahasa yang menggunakan dua atau tiga perkataan bagi menjelaskan maksud pengucapan yang membawa maksud yang mendalam. Kandungan maknanya adalah berlainan sekali daripada perkataan yang membentuknya. Simpulan bahasa juga dikatakan bahawa satu kelompok kata yang mempunyai susunan yang tetap yang membawa maksud yang berlainan daripada makna perkataan yang membentuknya. Simpulan Bahasa juga merupakan bentuk peribahasa yang paling ringkas. Simpulan bahasa biasanya terdiri daripada dua perkataan dan mempunyai makna tersirat. Sebagai contoh: 'kepala batu'(Maruthur Aranganathan, 2003).

#### **1.7.7 Perkataan berganda(இணைமொழி)**

Dua perkataan digabung menjadi satu perkataan yang disebut sebagai perkataan berganda. Perkataan berganda membawa maksud yang khas apabila dua perkataan digabung. Melalui perkataan berganda ini dengan mudah sekali boleh menerangkan sesuatu maksud yang panjang lebar dengan ringkas dan tepat dengan menggunakan dua perkataan. Selain itu, perkataan berganda bermaksud satu perkataan digabung dan digunakan mengikut tempat dan situasi (Dinamani, 2013).

#### **1.7.8 Solavadai(சொலவடை)**

*Solavadai* ialah hampir sama dengan seperti pepatah. Biasanya ia digunakan secara spontan dalam perbualan dan turut disebut sebagai bahasa dialek yang merujuk bahasa yang digunakan oleh masyarakat sesuatu daerah atau oleh sesuatu kelompok masyarakat. Dalam *solavadai*, bahasa yang digunakan tidak standard. Biasanya masyarakat yang tinggal di kampung banyak menggunakannya dalam perbualan harian

mereka. *Solavadai* ini disebut mengikut pengalaman mereka dan juga daripada nenek moyang mereka. Maksudnya dibawa secara terus-terang maka ia disebut *solavadai*. Biasanya mereka yang menggunakan *solavadai* ini dikatakan mempunyai kemahiran tinggi dalam bahasa (Abdul Kadir, 2013).

Contoh:

‘ஆடுகிற மாட்ட ஆடிக் கறக்கணும், பாடுற மாட்டப் பாடிக்  
கறக்கணும்’  
‘*Aadukira maaddha aadik karakkanum, Paadura maaddha  
paadikk karakkanum*’

### 1.8 Kesimpulan

Secara keseluruhannya, pengkaji menjelaskan bahawa bahagian ini merangkumi beberapa aspek utama yang menjadi asas kepada kajian ini. Pengkaji juga telah menerangkan jenis-jenis bahasa kiasan yang digunakan dalam drama bersiri Tamil *Nadhaswaram* yang menjadi fokus utama dalam kajian ini. Ternyata drama bersiri Tamil *Nadhaswaram* mengandungi banyak bahasa kiasan yang semakin tidak diketahui oleh masyarakat Tamil pada hari ini dan menjadi relevan untuk dikaji

## BAB 2

### SOROTAN LITERATUR



## BIBLIOGRAFI

- Abdul Kadir, M. S. (2013). *SolavadaikaLum PazhamolikaLum*, <http://uyirmmmai.com/uyirosai/>, Uyirmai, ( Disember2013).
- Abdullah Hassan. (1997). *Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Ilmu dan Esei-Esei Lain*. Shah Alam: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Adorno, T. W. (1991). *The Culure Industry Selected Essays on Mass Culture*. London: Routledge Publication.
- Ahmad Mat Hassan. (2010). *Bahasa Dan Pemikiran Dalam Peribahasa Melayu Dari Sudut Pragmatik*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Akmal Abdullah. *TV 3 & TV 9 Kuasai Penonton Melayu*. Berita Minggu, November 15, 2009, pp. 2.
- Amir Hamzah Shamsudin. (1993). *Cerita Peribahasa (pepatah)*. Kuala Lumpur: Penerbitan Kintan Sdn. Bhd.
- Annakkili, E. (1985). *Silambil MakaLir VaruNanaikaLil UvamaikaL*. Chennai: Narmatha Publication
- Awang Sariyan. (1992). *Tikaman Bahasa, Mohd Adnan Mohd Ariffin*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Awang Sariyan. (1996). *Warna dan Suasana: Perancangan Bahasa Melayu di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Brown, J.R. (1969). *Effective Theatre*. Boston: Allyn & Bacon Inc Publication.
- Dinamani. (2013). *InaimozhokaL*. Chennai: The New Indian Express Group of Companies Publication.
- Hashim Awang. (1987). *Glosari Mini Kesusasteraan*. Kuala Lumpur: Piramid Perdana (M) Sdn. Bhd.
- Jaafar Jambi. (2001). *Terjemahan Bahasa Kiasan dalam novel 'kokoro' dari Bahasa Jepun ke Bahasa Melayu - Satu Analisis*. Universiti Malaya. Malaysia
- Jegatheesan. J. (2010). *Solla Solla Inikkum SolavadaikaL*, <https://sagotharan.wordpress.com>. Sagotharan, (2010)
- JegannaathanK.V. (1988). *Tamil Palamolikal*. Chennai: Kaanthamalai Publication.
- Juliana Abdul Wahab, Wang Lay Kim, Sharifah Shahnaz & Syed Baharuddin (2013). Asia Dramas And Popular Trends In Malaysians Television Industry. *Journal Of Communication*. Jilid 29(2) 2013: 159-174.

- Kamus Dewan Edisi Keempat. Cetakan Keempat. Dewan Bahasa dan Pustaka. (2013).
- Kamus Komprehensif. *Bahasa Melayu*. Selangor Darul Ehsan: Herald Printers Sdn. Bhd. (2005).
- Kamus Linguistik. Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka. (1997).
- Kandimathilechumi. *Palamolikilil Molinayam*. Dalam Mutthaiya, Ulakath Tamiliyal Aivu Valarcchik Karuththarangu Aaivu Malai 1, Tanjavor, Tamil Nadu, India, (2003). Tamil Uyaraivu Maiyam.
- Kalzha Tamil Agarathi edisi ke-14 . Barathi: Publication. (1998).
- Kartigesu. R. (1994). *Sejarah Perkembangan Televisyen Di Malaysia (1963-1983)*. Univesiti Malaya.
- Keraf G. (1994). *Diksidan Gaya Bahasa*. Jakarta: Penerbit PT Gramedia Pustaka Utama.
- Keris Mas. (1988). *Perbincangan gaya bahasa sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Kuru Aravinthan. (2012). Nadhaswaram, [tamilaram.blogspot.com/2012/11/nathaswaram.html](http://tamilaram.blogspot.com/2012/11/nathaswaram.html). nathaswaram, (2012).
- Longman Dictionary of Contemporary English, III Edition, published by Longman. (1985).
- Luurthu. (1969). *Palamolikalin Thotramum Amaippum*. Dalam Silambu. N. Selvarasu & Araventhana, Aivukkovai 2, Chennai: Ulaga Tamil araicci Niruvanam.
- Madasamy, S. (2010). *SolavadaikaLum SonnavarkaLum*. Madurai: Published Aruvi Maalai.
- Mahalakshmi, T. (1989). *SilappathikaraAaivugal Orr Oppaivu*. Madras: Narmadha Publication.
- ManaSikana. (1989). *Di Sekita rPemikiran Drama Moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (2006). *Drama Melayu Tradisional, Moden dan Pasca moden*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mana Sikana. (1986). *Kritikan Sastera Pendekatan dan Kaedah*. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Manisekaran. A. (1987). *Malaysiavil Medai Naadakangal*. Kuala Lumpur: Percetakan Anban.



- Md. Said Hj Suleiman. (1991). *Siri Koleksi Warisan: Perian Basa*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mohanaraj, K. (1986). *Tolkapiyamum Thirukkuralum Oor Oppaivu*. Chennai: Chennai Universiti.
- Maruthur Aranganathan. (2003). *Tamilil Maraputhodarkal*. Chennai: Raj Enterprices.
- Murugan, Ka., Krishnamoorthy, Ko. *Maanavarkal Katturaiil Enn Iniya Thodarkalaip Poruthamaanavakaiil Payanpaduthuvathillai? Oru Seyalaaivu*. In 10<sup>th</sup> World Tamil Teachers' Conference, Pearl International Hotel, Kuala Lumpur, Malaysia, June 3-5, 2013, Uma Publications: Kuala Lumpur. 2013.
- Nik Safiah Karim, Farid M.Onn, Hashim Musa, & Abdul Hamid Mahmood. (2006). *Tatabahasa Dewan, Edisi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Oxford Advanced Learner's Dictionary-Fifth Edition. Oxford University Press.(1995).
- ParamasivamSo. (1987). *Seikhilarin Ilakkiyattiran*. Chennai: Pattup Publication.
- Paramasivam So. (2011). *Nadramil Illakkanam- Cetakan Kesebelas*. Chennai: Paddu Publication.
- Paramasivam, T. K. (1986). Uvamam Tamil Solle. In Agathiyalinggam (Ed), *Pathinethavathu Karutharanggu, Annamalainagar: Aivukkoovai, Thoguthi 2*, Inthiya Palkalaikalaga Tamil asiriyar Mandram.
- Paranthamanaar, A. Ki. (1998). *Nalla Tamil Elutha Veendumaa?*. Chennai: Paari Absert Printers
- ParimelalagarUrai. (1989). *ThirukkuraL*. Chennai: Bharathi Publication.
- Pathma Selvarajoo. (2013). CinnaththiraikaLin thodar samukathiRkuidar. *Puthiya Uthayam*, Mac 2013, pp. 28-29.
- Pulavar Vilvabharathi, KD. (2010). *Nannool Moolamum uraiyum*. Chennai: Palaniappa Brothers Publication.
- Puliyur Kesikan (1998). *Tholkaapiyam Mulivathum edisi kelapan*. Chennai: Maaruthi Press.
- Rajagobalachaariyaar, K. (1991). *Ilakkana Vilakkam-Aniiyal*. Madras: Star Publications.
- Rajan Babu Pon. (2002). *AniIllakanam Oor Arimugam*. Chennai: Paavai Printers.
- Said Halim Said Nong (1988). *Drama Melayu Televisyen Malaysia Satu Penilaian Perkembangan dan Peranan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

- Salinah Jaafar. (2005). Fungsi Leksikal “Bunga” Dalam Simpulan Bahasa dan Peribahasa Bahasa Melayu. *Jurnal Bahasa*. Jilid 5 (Bil.4): 40-66
- Saravanan Muthaliyar, A. Mu. (1959). *ILango:vadikaL Uvamai Puradchi OndRu*. Chennai: Pari Nilayam Publication.
- Sauntharapaandian, S. (1998). *Tamilil Palamoli Ilakiyam*. Chennai: Star Publication.
- Seenivaasavarathan, D. (1976). *Parimeelalagar Uraiyl Uruvagam*. Chennai: Vaanathi Publication.
- Selvajothi@Pillai, R. (2009). *Penggunaan Bahasa Kiasan Dalam Karya Thirukkural: Satu Analisis*. Ijazah Sarjana, Universiti Malaya, Malaysia.
- Tamilselvan, Sa. (2009). Tamil Veethi, [http://satamilselvan.blogspot.com/2009/04/blog-post\\_06.html](http://satamilselvan.blogspot.com/2009/04/blog-post_06.html).
- The Great Lfco Dictionary *English-English-Tamil*. Madras: Messrs. M. Damodaram & Co Publication. (1995).
- The New Encyclopedia Britannica. (1991). *Vol 3 & Vol 9*. Chicago: Encyclopedia Britannica, Inc Publication.
- The World Book Encyclopedia. (2001). *Vol 4 & Vol 15*. Chicago: World Book. Inc Publication.
- Thevaneyappaavanar, Jna. (2000). *Iyarramil Ilakkanam*. Chennai: Tamilman Publication.
- Thevaneyappaavanar, Jna. (2000). *Uyartharak kaduraikaL*. Chennai: Tamilman Publication.
- Umah Devi. T. (2012). Penggunaan Pepatah Tamil Dalam Pembinaan Kebahagiaan Dan Kesejahteraan Institusi Keluarga. Ijazah Sarjana, Universiti Putra Malaysia, Malaysia.
- Van Manen, M. (1997). *Researching Lived Experience: Human Science For An Action Sensitive Pedagogy*. London, ON: The Althouse Press.
- Varatharasanar, Mu. (1989). *Tamil Ilakkiya Varalaaru*. Chennai: Sahitya Akademi Publication.
- Velusamy, Si. (1978). *Palamolzikalum Vilakkamum*. Petaling Jaya: Thirumurugan Publication.
- Whiting, F. M. (1969). *An Introduction To The Theater*. New York: Harper & Row Publishers.
- W. A. Mc Call, E. H. Smith & B. C. Palman. (1980). *Test Lessons in Reading Figurative Language*. New York: Teachers Collage, Columbia University.
- Zainal Abidin Ahmad (2002). *Ilmu Pengarang Melayu: Edisi Ejaan Rumi Baharu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Abidin Ahmad. (1965). *Ilmu Mengarang Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Zainal Latif (1996). *Drama Dalam Pendidikan*. Dalam Kertas Kerja Kursus Drama Untuk KDP. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum, Kementerian Pendidikan Malaysia.

Za'ba (1965). *Pelita Bahasa Melayu Penggal 1*. Kuala Lumpur :Dewan Bahasa dan Pustaka.

